

'Sekolah rimba' khas untuk anak Orang Asli Pos Gob

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG - Prihatin dengan nasib pelajar Orang Asli yang tercicir dalam pelajaran di Pos Gob, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan CIMB Islamic mengambil inisiatif menubuhkan sebuah Pusat Pendidikan Komuniti bagi kegunaan anak-anak Orang Asli di kawasan tersebut.

Pengarah Pusat Transformasi Komuniti UKM, Prof. Datuk Dr. Rokiah Omar berkata, Pusat Pendidikan Komuniti atau dikenali sebagai 'sekolah rimba' dalam kalangan penduduk di situ diwujudkan untuk membantu anak-anak Orang Asli mendapat pendidikan awal sebelum mereka diserapkan ke sekolah.

"Kita mengenal pasti seramai 40 anak Orang Asli yang tercicir dalam pelajaran dan mereka ini lebih setahun tidak ke sekolah.

"Mereka yang tercicir



PUSAT Pendidikan Komuniti Orang Asli di Pos Gob, Gua Musang, Kelantan.



SEORANG kakitangan UKM mengajar anak Orang Asli di Pusat Pendidikan Komuniti di Pos Gob, Gua Musang semalam.

NORIEEN LIHAT RAKAN MATI SEORANG DEMI SEORANG



KERATAN Kosmo/11 Oktober 2015.

ini pula enggan ke sekolah kerana jarak sekolah dengan rumah jauh sehingga lebih 100 kilometer.

"Sikap ibu bapa yang

tidak sanggup berjauhan dengan anak-anak itu juga menyebabkan 40 anak-anak Orang Asli itu tercicir dalam pelajaran," kata beliau.

Rokiah berkata demikian selepas program Pelancaran Pusat Pendidikan Komuniti UKM-CIMB Islamic di Pos Gob di sini semalam. Turut hadir, Ahli Dewan

Undangan Negeri (ADUN) Nenggiri, Datuk Mat Yusoff Abdul Ghani, Timbalan Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jako) negeri, Azman Ngadiron dan Pengarah Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) negeri, Anuar Mat Zain.

Rokiah memberitahu, Pusat Pendidikan Komuniti itu kelak bukan sahaja memfokuskan kepada pendidikan semata-mata

malah akan memberi tumpuan kepada kesihatan masyarakat Orang Asli di kawasan tersebut.

"Kita akan melatih Orang Asli di kawasan ini sendiri untuk menjadi tenaga pengajar di samping menggalakkan mereka yang tercicir untuk ke sekolah," kata beliau.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselama-

tan Kampung Orang Asli (JKKOA) Pos Gob, Uda Alang berkata, pembinaan 'sekolah rimba' ini adalah hasil kemahiran serta kerjasama penduduk di beberapa buah kampung yang dilakukan secara gotong-royong.

"Proses pembinaan 'sekolah rimba' ini dimulakan sejak setahun lalu. Kami menggunakan seni anyaman masyarakat Orang Asli Temiar serta menggunakan kayu hutan, rotan, buluh, serta daun bertam untuk membuat atap.

"Kebanyakan ibu bapa di sini gembira apabila mendapat sebuah pusat pendidikan untuk anak-anak mereka," kata beliau.

Sebelum ini, menurut Uda, kumpulan 40 anak Orang Asli di Pos Gob tercicir dalam pelajaran apabila mereka enggan ke sekolah kerana ibu bapa kanak-kanak itu masih trauma dengan kejadian sekumpulan murid Sekolah Kebangsaan (SK) Tohoi hilang sebelum sebahagian mereka ditemui mati pada tahun 2015.